



JABATAN KEBAJIKAN MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN  
**MAJLIS KEBANGSAAN  
BAGI ORANG KURANG**

2 0 1 8

JABATAN PEMBANGUNAN ORANG KURANG UPAYA  
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT





JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

LAPORAN TAHUNAN  
**MAJLIS KEBANGSAAN  
BAGI ORANG KURANG UPAYA**  
2 0 1 8

---

JABATAN PEMBANGUNAN ORANG KURANG UPAYA  
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT





# SENARAI KANDUNGAN

<b>1.0</b>	Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya	<b>1</b>
1.1	Latar Belakang	
1.2	Fungsi Dan Peranan Majlis Sebagaimana Seksyen 9(1), Akta OKU 2008	
<b>2.0</b>	Keanggotaan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU)	<b>5</b>
2.1	Keanggotaan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya	
2.2	Anggota Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya Sesi 2018	
<b>3.0</b>	Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya	<b>11</b>
3.1	Jawatankuasa Yang Ditubuhkan Di Bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya	
<b>4.0</b>	Laporan Aktiviti Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU)	<b>13</b>
4.1	Jawatankuasa Pengangkutan	
4.2	Jawatankuasa <i>Quality Life Care</i>	
4.3	Jawatankuasa Pekerjaan	
4.4	Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina	
4.5	Jawatankuasa Pendidikan	
4.6	Jawatankuasa Pendaftaran Orang Kurang Upaya	
<b>5.0</b>	Sekretariat Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya	<b>39</b>



# **1.0** **Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya**

- 1.1** Latar Belakang
- 1.2** Fungsi Dan Peranan Majlis Sebagaimana Seksyen 9(1),  
Akta OKU 2008



## 1.0 Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya

### 1.1 Latar Belakang

Penubuhan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya dilaksanakan di bawah Seksyen 3(1), Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685). Pelancarannya telah dilakukan oleh YB. Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen selaku Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada Ogos 2008. Matlamat penubuhan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya adalah selaras dengan Dasar Orang Kurang Upaya dan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016 -2022 iaitu ke arah pembangunan dan penggalakan penyertaan penuh Orang Kurang Upaya dalam masyarakat. Untuk mencapai matlamat ini, satu usaha kolektif telah dibuat oleh Majlis dengan menggunakan pendekatan secara multi sektoral dan perkongsian bijak dengan agensi berkaitan yang lain.

### 1.2 Fungsi Dan Peranan Majlis Sebagaimana Seksyen 9(1), Akta OKU 2008

- a. Untuk menyelia pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan orang kurang upaya;
- b. Untuk membuat syor kepada Kerajaan mengenai semua aspek orang kurang upaya termasuk perkara-perkara yang berhubungan dengan sokongan, penjagaan, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan orang kurang upaya;
- c. Untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan orang kurang upaya dengan kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan dan sektor swasta yang berkaitan;
- d. Untuk memantau dan menilai kesan dasar, program dan aktiviti yang dirancang untuk mencapai penyertaan penuh dan berkesan orang kurang upaya dan dalam berbuat demikian boleh membuat apa-apa perkiraan dengan kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan dan sektor swasta yang berkaitan sebagaimana yang difikirkan perlu;
- e. Untuk mengkaji semula aktiviti semua kementerian, agensi, badan atau pertubuhan kerajaan dan sektor swasta yang terlibat dalam pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan orang kurang upaya;
- f. Untuk mengesyorkan kepada Kerajaan perubahan kepada undang-undang sedia ada dan juga untuk mencadangkan undang-undang baru bagi menjamin penyertaan penuh dan berkesan orang kurang upaya dalam masyarakat, termasuk untuk memudahkan kebolehasenan;
- g. Untuk membangunkan program dan strategi yang bertujuan untuk mendidik masyarakat dan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat, termasuk pada peringkat keluarga, berhubung dengan orang kurang upaya termasuk keupayaan dan sumbangan mereka bagi menggalakkan tanggapan positif dan kesedaran sosial yang tinggi serta memupuk rasa hormat kepada hak dan maruah orang kurang upaya;
- h. Untuk menerima pakai langkah yang berkesan dan sesuai bagi menggalakkan pengiktirafan kemahiran, merit dan kebolehan orang kurang upaya, dan sumbangan mereka di tempat kerja dan pasaran buruh;



- i. Untuk memupuk sikap menghormati hak orang kurang upaya pada semua peringkat sistem pendidikan, termasuk pada peringkat awal kanak-kanak;
- j. Untuk menasihati Kerajaan mengenai isu ketidakupayaan termasuk perkembangan di peringkat antarabangsa;
- k. Untuk mengumpul semak data dan maklumat, dan menjalankan serta menggalakkan penyelidikan yang berhubung dengan orang kurang upaya;
- l. Untuk menggalakkan pembangunan latihan awal dan berterusan bagi golongan profesional dan kakitangan yang bekerja dalam perkhidmatan habilitasi dan rehabilitasi;
- m. Untuk menggalakkan peluang pekerjaan dan peningkatan kerjaya bagi orang kurang upaya dalam pasaran buruh, dan juga bantuan dalam mencari atau mendapatkan pekerjaan atas asas keserataan dengan orang upaya; dan
- n. Untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri bagi pelaksanaan sewajarnya Akta ini.

## **2.0 Keanggotaan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU)**

- 2.1** Keanggotaan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya
- 2.2** Anggota Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya  
Sesi 2018

## **2.0 Keanggotaan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya**

### **2.1 Keanggotaan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya**

Berdasarkan Seksyen 3 (2), Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya hendaklah terdiri daripada anggota berikut :

- a. Menteri yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- b. Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi kebajikan masyarakat yang hendaklah menjadi Timbalan Pengerusi;
- c. Peguam Negara Malaysia atau wakilnya;
- d. Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi kewangan;
- e. Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi pengangkutan;
- f. Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi sumber manusia;
- g. Ketua Pengarah Pendidikan;
- h. Ketua Pengarah Kesihatan;
- i. Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan; dan
- j. Tidak lebih daripada sepuluh orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam permasalahan dan isu yang berhubungan dengan orang kurang upaya yang hendaklah dilantik oleh Menteri

## 2.2 Anggota Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya Sesi 2018



### PENGERUSI

**YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail**

Timbalan Perdana Menteri merangkap  
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



### TIMBALAN PENERUSI

**YBrs. Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



### SETIAUSAHA

**YBrs. Tuan Hj. Mohd Fazari bin Salleh**

Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

## KEANGGOTAAN DARIPADA KEMENTERIAN/ AGENSI



**YBhg. Tan Sri Tommy Thomas**  
Peguam Negara



**YBhg. Tan Sri Ahmad Badri bin Mohd Zahir**  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan



**YBhg. Datuk Seri Hj. Saripuddin bin Hj. Kasim**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengangkutan



**YBhg. Dato' Sri Hj. Adenan bin Abdul Rahman**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Sumber Manusia



**YBhg. Dato' Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof**  
Ketua Pengarah Pelajaran



**YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah**  
Ketua Pengarah Kesihatan



**Encik Khairil bin Khalid**  
Pengurus Suruhanjaya  
Pengangkutan Awam Darat (SPAD)

## ANGGOTA INDIVIDU



**YBrs. Dr. Aizan Sofia binti Amin**

Pensyarah Kanan UKM



**YBrs. Dr. Ruziah binti Ghazali**

Penceramah Bebas  
*Freelance Trainer / Speaker*



**YBrs. Dr. Ong Puay Hoon**

Mantan Profesor Madya  
Jabatan Perubatan Komuniti dan Kesihatan Awam, FMHS, UNIMAS



**YBrs. Dr. Sulaiman bin Abdul Mutalib**

Pengarah Pusat  
Pusat Kesihatan dan Pemulihan Taman WQ 2010 - sekarang



**Encik Mohd Yazid bin Bain**

Penyelaras Pusat Komuniti Orang Pekak Johor dan  
Pengurus *Jemari Enterprise*



**Encik Murugeswaran Veerasamy**

Perunding Penjagaan Pelanggan,  
*HP Enterprise*



**Encik Fariz bin Hj Abd Rani**

Pengasas atau Ketua Pegawai Eksekutif  
*(Fabricate and Supply Prosthetics or Orthotics, Medical Equipment,  
Pembuatan kerusi roda)*



**Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi**

Pembaca Berita Sambilan NTV7,  
Artis OKU dan Atlit Menembak OKU



**Encik Jatan Anak Kidu**

Pembantu Pegawai Teknik  
Telekom Malaysia



**Encik Choo Siew Cheong (Moses)**

Pengarah Eksekutif *National Council For The Blind (NCBM)*

## **3.0 Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya**

**3.1** Jawatankuasa yang ditubuhkan di Bawah Majlis Kebangsaan  
Bagi Orang Kurang Upaya



### **3.0 Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya**

#### **3.1 Jawatankuasa Yang Ditubuhkan Di Bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya**

Untuk membantu Majlis melaksanakan fungsi dan peranannya, sebanyak enam Jawatankuasa telah ditubuhkan. Penubuhan Jawatankuasa ini telah dibuat pada mesyuarat kali pertama yang telah diadakan pada 14 Ogos 2008.

Jawatankuasa-Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

##### **a. Jawatankuasa Pengangkutan**

Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan. Jawatankuasa ini akan memberi tumpuan kepada isu-isu aksesibiliti yang berkaitan dengan pengangkutan seperti bas, keretapi, feri dan juga kapal terbang. Selain daripada itu, Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk memastikan stesen pengangkutan awam di negara ini menyediakan kemudahan mesra OKU di setiap stesen mereka.

##### **b. Jawatankuasa *Quality Life Care***

Dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. Jawatankuasa ini akan memberi tumpuan kepada isu yang berkaitan penjagaan kesihatan, rawatan, rehabilitasi, habilitasi, pengesanan dan intervensi awal kepada OKU.

##### **c. Jawatankuasa Pekerjaan**

Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia. Jawatankuasa ini akan memberi tumpuan khusus kepada isu yang berkaitan pekerjaan kepada OKU.

##### **d. Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina**

Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Jawatankuasa ini akan memberi tumpuan kepada isu-isu aksesibiliti bangunan, ruang awam dan penggunaan peralatan atau kemudahan yang berkonsepkan 'universal design' dalam setiap reka bentuk yang mana peralatan ini boleh digunakan oleh semua golongan masyarakat termasuklah OKU, warga emas, kanak-kanak dan ibu mengandung.

##### **e. Jawatankuasa Pendidikan**

Dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Jawatankuasa ini akan memberi tumpuan kepada isu pendidikan kepada OKU, termasuklah penyediaan prasarana yang mesra OKU di sekolah-sekolah.

##### **f. Jawatankuasa Pendaftaran Orang Kurang Upaya**

Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Jawatankuasa ini akan memberi tumpuan kepada isu yang berkaitan pengeluaran kad OKU, pendaftaran OKU, promosi dan penggalakan pendaftaran OKU.

## **4.0** **Laporan Aktiviti Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU)**

- 4.1 Jawatankuasa Pengangkutan
- 4.2 Jawatankuasa *Quality Life Care*
- 4.3 Jawatankuasa Pekerjaan
- 4.4 Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina
- 4.5 Jawatankuasa Pendidikan
- 4.6 Jawatankuasa Pendaftaran Orang Kurang Upaya

## 4.0 Laporan Aktiviti Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU)

### 4.1 Jawatankuasa Pengangkutan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU)

#### 4.1.1 Pelaksanaan Mesyuarat

Mesyuarat Jawatankuasa Pengangkutan Bil. 1/2018 telah diadakan pada 8 Jun 2018 yang dipengerusikan oleh YBrs. Encik Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pengangkutan merangkap Timbalan Pengerusi bagi Jawatankuasa Pengangkutan di bawah Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU). Keanggotaan Jawatankuasa ini terdiri daripada agensi dan organisasi yang bertanggungjawab dalam sistem pengangkutan awam negara dan juga NGO berkaitan OKU.

#### 4.1.2 Pelaksanaan Aktiviti atau Program Sepanjang Tahun 2018

##### a. Siri Audit Aksesibiliti Perkhidmatan Pengangkutan Awam

##### i. Terminal Bersepadu Selatan (TBS)

TBS merupakan antara contoh amalan terbaik bagi hub perkhidmatan awam yang menyediakan fasiliti dan perkhidmatan mesra OKU.

Beberapa anugerah telah dimenangi oleh TBS seperti berikut:

- Anugerah Aksesibiliti Sejagat Datuk Bandar Kuala Lumpur 2013;
- Anugerah Terminal Terbaik 2016;
- Anugerah Aksesibiliti Sejagat Datuk Bandar Kuala Lumpur 2018; dan
- Pengendali dan pengurusan terminal pertama yang mendapat pensijilan ISO 9001:2008.




Kaunter mesra OKU, kedudukan papan tanda yang jelas dan mesin bayaran parkir

Hasil audit yang wajar dicontohi adalah penunjuk arah (*wayfinding*) yang cukup dan sesuai untuk difahami oleh OKU, selain itu, kaunter tiket OKU turut direndahkan agar sesuai untuk OKU berkerusi roda. Mesin bayaran parkir juga amat sesuai untuk semua lapisan usia.



Kaunter mesra OKU, kedudukan papan tanda yang jelas dan mesin bayaran parkir


Namun begitu beberapa syor penambahbaikan turut dicadangkan seperti laluan *tactile* untuk kemudahan OKU penglihatan disyorkan untuk dibuat tambahan agar menghala ke arah lif berdekatan. Buat masa ini, *tactile* ini tidak menghala ke butang lif. Selain itu, kedudukan papan tanda *drop-off* OKU di ruangan ketibaan juga disarankan ditambah ke bahagian atas (melintang dari dinding) agar dapat dilihat oleh pengguna dari jauh.



Kaunter mesra OKU, kedudukan *Tactile* tidak menuju ke lif dan papan tanda *drop-off* OKU perlu ditambah di bahagian atas untuk mudah dilihat dari jauh papan tanda yang jelas dan mesin bayaran parkir

## ii. Stesen ERL Bandar Tasik Selatan

Perkhidmatan ERL merupakan perkhidmatan rel yang menghubungkan antara Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) dengan stesen Sentral Kuala Lumpur (KL Sentral) dengan jarak 57km. Audit yang dijalankan di stesen ERL Bandar Tasik Selatan ini mendapati stesen ini menyediakan perkhidmatan yang baik kepada golongan OKU, khususnya yang berkerusi roda.



Kemudahan OKU di Stesen ERL

Stesen ERL Bandar Tasik Selatan berada bersebelahan dengan TBS dan dihubungkan dengan jejantas dan kemudahan-kemudahan lain seperti lif dan laluan selesa untuk golongan OKU. Hasil audit mendapati, ketinggian kaunter tiket masih menjadi kekangan kepada OKU berkerusi roda, namun pegawai bertugas akan memastikan layanan sewajarnya diberikan. OKU berkerusi roda yang memerlukan *ramp* mudah alih (*mobile ramp*) dari platform terminal untuk masuk ke tren, boleh memaklumkan kepada pegawai bertugas yang bersedia di setiap stesen.

### iii. Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu

Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu merupakan lapangan terbang kedua paling sibuk di Malaysia. Ia dibuka secara rasmi pada 19 Ogos 2008 dengan kapasiti penumpang seramai 9 juta orang setahun.

Hasil audit mendapati bahawa lapangan terbang ini menyediakan banyak fasiliti dan kemudahan untuk OKU. Namun begitu penambahbaikan masih diperlukan bagi ruangan *drop off* OKU yang tidak mengikut saiz dalam MS1184. Juga, kombinasi warna kontras diperlukan untuk *ramp* laluan masuk ke pintu utama lapangan terbang.



Selain itu, parkir OKU juga tidak mengikut saiz. Nisbah bagi parkir biasa dengan parkir OKU adalah 3:2 kerana OKU memerlukan lebih ruangan untuk meletakkan kerusi roda di tepi kenderaan sebelum masuk atau keluar kenderaan. Parkir OKU bagi pekerja dan kakitangan lapangan terbang juga perlu disediakan dengan laluan yang selamat.




Parkir OKU yang tidak mengikut saiz dan ketiadaan laluan dan parkir OKU untuk staf/kakitangan

#### iv. MASwings (Kota Kinabalu)

MASwings merupakan syarikat penerbangan yang menjalankan Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services – RAS*) yang tidak berasaskan keuntungan di Sabah dan Sarawak. Syarikat ini telah menandatangani perjanjian dengan Kerajaan Malaysia, adalah penyedia operasi kepada penduduk pedalaman di Sabah dan Sarawak yang memerlukan pengangkutan udara sebagai mod pengangkutan utama yang menghubungkan kawasan luar bandar dengan dunia luar.

Dalam urusan harian, pekerja MASwings sentiasa memberikan perkhidmatan yang efisien dan proaktif dalam membantu penumpang OKU dengan ketidakupayaan fizikal khususnya apabila jenis pesawat yang disediakan adalah dari jenis ATR 72-500 dan *Twin Otter*.



Pekerja MASwings membantu menaikkan penumpang OKU dengan mengangkat secara fizikal dalam keadaan cuaca hujan



Pekerja MASwings yang komited membantu penumpang OKU turun dan naik pesawat walau dalam situasi cuaca yang tidak baik

## v. Terminal Skypark Subang



Terminal Skypark Subang ini juga dikenali sebagai Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah. Ia mula beroperasi pada 1965 dan telah menjadi lapangan terbang utama di negara ini sehingga tahun 1998. Lapangan terbang ini mempunyai empat pengendali penerbangan ringan iaitu *Firefly*, *Malindo*, *Raya Airways* dan juga *Berjaya Air*. Ia telah mencatatkan jumlah penumpang sebanyak 1.9 juta orang pada tahun 2018.

Melalui audit akses pada Oktober 2018, Kementerian Pengangkutan telah menemui beberapa perkara yang memerlukan penambahbaikan. Antaranya adalah lokasi parkir OKU yang tidak selamat kerana berada di tepi laluan utama kenderaan yang masuk untuk *drop off* penumpang. Begitu juga dengan *ramp* yang menghubungkan terminal dengan laluan ke KTM Komuter agak curam dan menyukarkan pergerakan OKU berkerusi roda.



Kedudukan parkir OKU yang bahaya, di laluan utama keluar masuk kenderaan & laluan ramp yang curam menyukarkan pergerakan OKU berkerusi roda

Tempat duduk OKU juga memerlukan label yang lebih besar khusus untuk rujukan OKU. Selain itu, laluan penumpang di kawasan imigresen agak sempit, menyukarkan OKU berkerusi roda. Pihak pengurusan akan berusaha memastikan keperluan OKU ini diperhalusi dan ditambahbaik untuk kesejahteraan bersama.



Kerusi untuk OKU perlu dilabel lebih jelas dengan warna terang & laluan pemeriksaan imigresen yang agak sempit untuk OKU berkerusi roda

## vi. Stesen KTM Komuter *Skypark*

Stesen KTM Komuter *Skypark* merupakan stesen rel yang baru beroperasi pada 1 Mei 2018 bagi menghubungkan KL Sentral – Subang Jaya – Lapangan Terbang Subang. Pengguna perkhidmatan ini boleh menggunakan jejantas yang telah disediakan yang menghubungkan stesen KTM dengan lapangan terbang.

Hasil audit mendapati penyediaan kemudahan OKU di stesen ini masih memerlukan beberapa penambahbaikan. Antaranya adalah menyediakan kerusi khusus untuk OKU dengan label yang jelas. Papan tanda tandas OKU juga kecil dan tulisan adalah pada sudut yang tidak dapat dilihat dari jauh. *Braille* tidak disediakan dalam lif yang menyukarkan OKU penglihatan. Parkir OKU telah disediakan namun tiada penunjuk arah untuk ke kawasan parkir tersebut.



Butang lif tiada *Braille* dan tiada papan tanda sebagai petunjuk ke kawasan parkir OKU

## vii. Perkhidmatan MRT (Tali pinggang Keselamatan untuk Kerusi Roda)

MRT merupakan teknologi perkhidmatan rel yang paling popular di Malaysia buat masa ini mula diperkenalkan pada 16 Disember 2016 (laluhan Line 1 Sungai Buloh – Kajang). Laluan tersebut mempunyai sebanyak 31 stesen penghubung dan dikendalikan oleh syarikat Prasarana Malaysia Berhad.

Perkhidmatan ini telah mencatatkan jumlah penumpang yang sangat tinggi iaitu sebanyak 158,247 orang sehari (Suku Keempat 2018). Pada tahun 2018, seramai 51.3 juta penumpang telah dicatatkan.

Berdasarkan audit akses yang telah dilakukan, didapati perkhidmatan ini menyediakan ruang untuk pengguna berkerusi roda namun tanpa tali pinggang keselamatan. Berdasarkan perbincangan, pihak Prasarana sedang menyediakan tali pinggang keselamatan untuk penumpang berkerusi roda.





Sesi audit tali pinggang keselamatan dalam tren MRT

## b. Seminar

Seminar Aksesibiliti Dalam Perkhidmatan Pengangkutan Awam telah diadakan selama dua hari pada 15 dan 16 Ogos 2018 di Dewan Serbaguna, Kementerian Pengangkutan. Seminar ini telah dihadiri seramai 220 orang peserta terdiri daripada warga Kementerian, Jabatan, Agensi dan syarikat-syarikat swasta.

Objektif seminar ini adalah seperti berikut:

- Memahami dan mampu membezakan terma ketidakupayaan dengan kekurangan/ketidakupayaan daripada pelbagai kategori;
- Memahami OKU daripada sudut dalaman (psikologi) dan luaran (psikososial) termasuk budaya hidup;
- Memahami punca dan situasi yang menjadi penyebab timbulnya isu ketidakupayaan seperti halangan fizikal, pengasingan sosial, halangan penyertaan, diskriminasi dan persepsi; dan
- Dapat mengadakan perancangan dan tindakan untuk membolehkan OKU turut serta dalam masyarakat.

Berikut adalah butiran ceramah sepanjang seminar tersebut:

Bil.	Penceramah	Organisasi	Tajuk Ceramah
1.	Encik Mohamad Sazali Shaari	Pengarah Eksekutif, Persatuan Orang Pekak Malaysia	<i>Disability Related Service Training (DRST) (Hearing)</i>
2.	Puan Nurulhuda Zainal	Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya, Jabatan Kebajikan Masyarakat	<i>Disability Equality Training (DET) dan Disability Related Service Training (DRST) (Physical)</i>
3.	Cik Siti Huraizah Ruslan	Eksekutif Kanan, Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia	<i>Disability Related Service Training (DRST) (Blind)</i>
4.	YBhg. Prof. Dato' Sri Ar. Dr. Asiah Abdul Rahim	Pensyarah, KAED Universal Design Unit (KUDU) Universiti Islam Antarabangsa (UIA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. <i>Introduction to Universal Design in the Built Environment and Transportation &amp; Simulation</i></li> <li>ii. <i>Introduction to Standard and Laws – Act PwDs 2018, UBBL 34A, MS 1184:2014</i></li> <li>iii. <i>Sesi 'Good Practice'</i></li> </ul>
5.	Puan Hajjah Dalilah Bee Abdullah @ Ch'ng Gaik Bee	Timbalan Pengarah, Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	<i>Application of Universal Design for DBKL Projects</i>
6.	Puan Audrey Teo	Ketua Arkitek, MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn. Bhd	Aplikasi Kemudahan OKU dalam Pengangkutan Darat
7.	Puan Rosmawati Mohamad Saufi	Pengurus, Bahagian Pengurusan Pengalaman Pelanggan,	<i>Application of Universal Design for DBKL Projects</i>
8.	Encik Shamsul Bahrin Rahmat	Pengarah, Bahagian Senibina dan Inspektorat Bangunan, Perbadanan Putrajaya	<i>Implementation, Monitoring and Enforcement of Public Transport on Universal Design Aspects in Putrajaya</i>

### c. Latihan *DET* dan *DRST* Bagi Menyantuni Golongan OKU

*Disability Equality Training (DET)* dan *Disability-Related Services Training (DRST)* merupakan dua latihan yang akan memberi pemahaman mengenai cara menyantuni golongan OKU. Latihan ini akan diberikan oleh tenaga pengajar yang terdiri daripada golongan OKU terlatih.

Pihak Kementerian Pengangkutan sentiasa menggalakkan jabatan dan agensi di bawah Kementerian untuk menyediakan latihan tersebut kepada *frontliners* bagi memastikan pelanggan/penumpang OKU mendapat khidmat layanan yang sesuai dan memuaskan.

Berikut merupakan data terkini latihan DET dan DRST yang dibuat oleh pengendali:

- a. 1,116 buah bas Rapid di Kuala Lumpur;
- b. 350 bas Rapid di Pulau Pinang;
- c. 69 buah bas Rapid Kuantan;
- d. 300 buah bas Rapid MRT *feeder*; dan
- e. 15 buah bas BRT-Sunway



Gambar-gambar sepanjang seminar berlangsung

## 4.2 Jawatankuasa *Quality Life Care* Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya

### 4.2.1 Pelaksanaan Mesyuarat

Mesyuarat Jawatankuasa *Quality Life Care* Bagi Orang Kurang Upaya Bil.1/2018 telah dilaksanakan pada 17 Mei 2018. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia. Keanggotaan jawatankuasa terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, pakar perubatan pelbagai disiplin dan NGO berkaitan orang kurang upaya.



Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia sedang mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa *Quality Life Care* yang diadakan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

#### 4.2.2 Pelaksanaan Aktiviti atau Program Sepanjang Tahun 2018

##### a. Siri Audit Aksesibiliti Perkhidmatan Pengangkutan Awam

Program-program utama oleh Jawatankuasa *Quality Life Care* adalah seperti berikut:

##### i. **Pertandingan Video Pendek Amalan Cara Hidup Sihat Dalam Kalangan Orang Kurang Upaya (OKU) Peringkat Kebangsaan Tahun 2018**

Pertandingan Video Pendek Amalan Cara Hidup Sihat Dalam Kalangan OKU; Peringkat Kebangsaan 2018, bertemakan Jom Amalkan Cara Hidup Sihat! (*Let's Practice Healthy Lifestyle!*) adalah meliputi aspek promosi cara hidup sihat yang boleh menjadikan golongan OKU meneruskan kehidupan yang bahagia dan sejahtera meskipun mempunyai pelbagai halangan.

Tema dan syarat pertandingan menggariskan konsep video berdasarkan lima (5) skop kempen amalan cara hidup sihat yang diuar-uarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, iaitu

- (i) aktiviti fizikal;
- (ii) makan secara sihat;
- (iii) tak nak merokok;
- (iv) bijak tangani stress; dan
- (v) sihat tanpa alkohol.

Peserta pertandingan diberi kebebasan untuk mengetengahkan sekurang-kurangnya satu (1) daripada lima (5) skop tersebut berdasarkan kreativiti, pemahaman dan kebijaksanaan masing-masing.

Analisa terhadap karya penyertaan dan video pemenang menunjukkan bahawa majoriti karya yang diterima menonjolkan kefahaman golongan OKU terhadap kepentingan gaya hidup sihat, mempromosikan keistimewaan OKU dalam arena sukan dan aspek kesihatan, serta menonjolkan nilai-nilai kekeluargaan dan semangat masyarakat dalam bersama-sama menyokong penjagaan kesihatan golongan OKU.

Hasil karya penyertaan dan pemenang pertandingan akan digunakan sebagai bahan promosi / pengajar kepada anggota kesihatan dan masyarakat umumnya.

Pautan video tiga (3) pemenang pertandingan ini:

- *Facebook* : Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
- *Youtube*  
Pemenang Tempat Pertama: <https://www.youtube.com/watch?v=ro7itC>
- Pemenang Tempat Kedua:  
<https://www.youtube.com/watch?v=rgHdIln2uWs>
- Pemenang Tempat Ketiga  
[https://www.youtube.com/watch?=\\_v7P\\_alba D0](https://www.youtube.com/watch?=_v7P_alba D0)

Pertandingan ini telah diadakan pada 15 Jun – 15 September 2018



### Latihan DET dan DRST Bagi Menyantuni Golongan OKU

- Bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat seluruhnya berkenaan kesihatan dan amalan cara hidup sihat termasuk golongan OKU;
- Menggalak dan memperkasakan OKU dalam mengamalkan cara hidup sihat bagi mencegah masalah kesihatan; dan
- Membudayakan amalan cara hidup sihat dalam kalangan OKU.

149 video buah penyertaan telah diterima dan penyertaan ini telah dibuka kepada semua warga negara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas, meliputi penjawat awam, mahasiswa, persatuan dan badan bukan kerajaan.

*Outcome* program adalah seperti berikut:

- Peningkatan kesedaran masyarakat terhadap ketidakupayaan dan isu berkaitan golongan OKU; dan
- Membudayakan amalan cara hidup sihat dalam kalangan OKU meskipun berdepan dengan pelbagai halangan.



Penjurian Karya Pertandingan Video Pendek Amalan Cara Hidup Sihat Dalam Kalangan Orang Kurang Upaya (OKU), Peringkat Kebangsaan Tahun 2018, pada 25 Oktober 2018. Juri-juri profesional terdiri daripada wakil-wakil dari pelbagai agensi kerajaan, bukan kerajaan, universiti dan persatuan/pertubuhan OKU.



Para pemenang Pertandingan Video Pendek Amalan Cara Hidup Sihat Dalam Kalangan Orang Kurang Upaya (OKU), Peringkat Kebangsaan Tahun 2018 bersama-sama dengan barisan juri dan dif-dif kehormat

**ii. Kursus Modul *Live Life Stay Safe* dalam pengendalian kesihatan seksual dan keselamatan diri kanak-kanak serta remaja berkeperluan khas.**

Pertandingan Video Pendek Amalan Cara Hidup Sihat Dalam Kalangan OKU; Peringkat Kebangsaan 2018, bertemakan Jom Amalkan Cara Hidup Sihat! (Let's Practice Healthy Lifestyle!) adalah meliputi aspek promosi cara hidup sihat yang boleh menjadikan golongan OKU meneruskan kehidupan yang bahagia dan sejahtera meskipun mempunyai pelbagai halangan.

Program ini telah dilaksanakan pada tarikh seperti berikut :

- a. 8 - 9 Oktober 2018
- b. 10 - 11 Oktober 2018

Program ini telah dilaksanakan di Bilik Seminar Klinik Kesihatan Kepala Batas Pulau Pinang dan Dewan Sinaran Minda Hospital Jitra, Kedah.

Objektif Pelaksanaan Program adalah seperti berikut :

- a. Meningkatkan pengetahuan berkaitan isu-isu seksualiti yang perlu diajar kepada kanak-kanak dan remaja berkeperluan khas seperti *coping life skill, body parts, emotions, relation touch, seksual abuse & disclosure* dan sebagainya;
- b. Meningkatkan kemahiran dalam latihan kanak-kanak dan remaja berkeperluan khas (KKKK) serta penjaga berkenaan kesihatan seksual dan keselamatan diri. Seramai 56 orang anggota kesihatan dan 40 orang guru pendidikan khas turut terlibat dalam program ini; dan
- c. Penganjuran program bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan pengendalian anggota kesihatan dan guru pendidikan khas dalam mengenal pasti awal risiko tingkah laku mencabar, isu kesihatan seksual dan menjaga keselamatan diri dalam kalangan Murid Berkeperluan Khas (MBK)



Peserta kursus sedang mendengar ceramah



Peserta mengambil bahagian role play dalam tajuk perhubungan  
(*circle of relationship*)

- iii. Program 1 : Mewujudkan Manual Asas Rehabilitasi Untuk Kanak-Kanak Berkeperluan Khas (OKU Pembelajaran) Bagi Aktiviti Rekreasi Berbasikal (Tandem Cycle)
- iv. Program 2 : Sesi Ujicuba Manual Asas Rehabilitasi Untuk Murid Berkeperluan Khas (OKU Pembelajaran) Bagi Aktiviti Rekreasi Berbasikal (Tandem Cycle) Pada Para Guru. Melibatkan 5 Buah Sekolah Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI) :
  - a. SK Lelaki Jalan Batu, W.P Kuala Lumpur;
  - b. SK Taman Medan Petaling Jaya Selangor;
  - c. SK SS 19, Subang Jaya, Seri Kembangan Selangor;
  - d. SKJ (T) Jalan Fletcher, W.P Kuala Lumpur; dan
  - e. SKJ (C) Sam Yoke Pudu W.P Kuala Lumpur

Pelaksanaan program telah diadakan kali pertama pada 25 -27 Jun 2018, di Hotel Grand Pacific Kuala Lumpur.

Program 2 : SK Taman Medan, Petaling Jaya, Selangor  
 Untuk membantu guru-guru menggunakan manual yang telah disediakan bagi menggalakkan murid berkeperluan khas dalam aktiviti berbasikal tandem serta menggalakkan penglibatan guru keluarga dan sukarelawan.



Kanak-Kanak berkeperluan khas melakukan aktiviti berbasikal tandem sambil dibantu oleh jurupulih dan guru PPKI



### 4.3 Jawatankuasa Pekerjaan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU)

#### 4.3.1 Pelaksanaan Mesyuarat

Mesyuarat Jawatankuasa Pekerjaan Bil.1/2018 telah dilaksanakan pada 5 November 2018.

#### 4.3.2 Pelaksanaan Mesyuarat

Program – program utama oleh Jawatankuasa Pekerjaan adalah seperti berikut :

##### i. Seminar Kesedaran Ketidakupayaan dan Pemerkasaan OKU dalam Pekerjaan

Bil.	Perkara	Butiran Program
1.	Tarikh	28-30 Ogos 2018
2.	Tempat	Menara SSM KL Sentral, Kuala Lumpur
3.	Objektif	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran ketidakupayaan serta keperluan OKU dalam aspek perubatan dan sektor pekerjaan.</li> <li>Menggalakkan sikap positif di kalangan peserta tentang kompetensi dan kebolehpasaran golongan OKU dalam sektor pekerjaan dan melibatkan pekerjaan dan melibatkan pengurusan serta latihan kemahiran.</li> <li>Meningkatkan pencapaian Dasar Satu Peratus Peluang Pekerjaan OKU dalam Perkhidmatan Awam dan penggajian pekerjaan OKU dalam sektor swasta</li> <li>Memupuk kelestarian pembangunan (sustainability development) golongan OKU dalam arus pembangunan negara secara inklusif</li> </ul>
4.	Kumpulan Sasar	a. Ahli Jawatankuasa Pekerjaan MKBOKU; b. Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah KSM; c. Lain-lain kementerian/jabatan/agensi kerajaan; d. Persatuan-persatuan OKU & NGO; e. Syarikat Multinasional (Teknologi Maklumat); dan f. Pengurusan Hal-Ehwal Pelajar OKU dan Ahli Akademik Universiti – Universiti Awam.
5.	Bilangan Penyertaan	Seramai 200 orang peserta terlibat dalam seminar ini.
6.	Outcome program	a. Meningkatkan pengetahuan, kesedaran, kemahiran, dan sikap kumpulan sasaran dalam pengendalian pekerjaan OKU.  b. Setiap pelaksanaan advokasi, penempatan dan penguatkuasaan pekerjaan OKU berdasarkan pengetahuan, kesihatan dan kesedaran ketidakupayaan yang menyeluruh.



ii. Lawatan Pemerhatian Jawatankuasa Pekerjaan dan *Stakeholder* OKU di Tun Razak *Rehabilitation Center* (TRRC) Melaka

Bil.	Perkara	Butiran Program
1.	Tarikh	5 November 2018
2.	Tempat	Tun Razak <i>Rehabilitation Center</i> (TRRC) Melaka
3.	Objektif	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi pendedahan dan pengetahuan kepada persatuan dan NGOs serta stakeholder OKU tentang fungsi dan peranan serta kemudahan rehabilitasi yang terdapat di TRRC kepada OKU yang berinsuran.</li> </ul>
4.	Kumpulan Sasar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ahli-ahli J/K Pekerjaan, NGO dan persatuan OKU</li> </ul>
5.	Bilangan Penyertaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>60 orang</li> </ul>
6.	Harapan Terhadap Hasil Penganjuran Program	<ul style="list-style-type: none"> <li><i>Output:</i> Memberi kefahaman dan pengetahuan kepada kumpulan sasaran tentang pasaran dan program khusus yang layak diterima oleh OKU yang berinsuran dalam pekerjaan.</li> <li><i>Outcome:</i> Advokasi dan pendedahan komitmen utama PERKESO dalam melaksanakan penempatan pekerjaan semula (<i>Return To Work</i>) dan rehabilitasi OKU yang berinsuran dalam sektor swasta.</li> </ul>



### iii. Penerbitan Buku Panduan Jawatankuasa Pekerjaan dan Pelan Tindakan bagi Memperkasakan Penempatan Pekerja OKU

Bil.	Perkara	Butiran Program
1.	Tarikh	2 November 2018
2.	Objektif	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan kesedaran dan kefahaman berkaitan peranan Kementerian Sumber Manusia selaku Jawatankuasa Pekerjaan di bawah Majlis Kebangsaan Bagi OKU.</li> </ul>
	<i>Output:</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjadi sumber rujukan kepada stakeholder OKU terhadap peranan JK Pekerjaan dalam memperkasakan penempatan pekerjaan OKU.</li> </ul>
	<i>Outcome:</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Advokasi kepada keupayaan dan kebolehan OKU dalam pekerjaan serta sokongan pekerjaan yang diperlukan.</li> <li>Penerbitan kedua-dua Buku Panduan JK Pekerjaan dan Pelan Tindakan bagi Memperkasakan Penempatan Pekerja OKU menerangkan program dan aktiviti serta peranan jabatan / agensi di bawahnya yang dilaksanakan oleh KSM dalam memastikan penawaran dan seterusnya penempatan pekerjaan OKU.</li> </ul>



#### 4.4 Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU)

##### 4.4.1 Mesyuarat

Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina (JK RBSAB) telah melaksanakan mesyuarat bagi tahun 2018 bagi bilangan 1/2018 pada 13 November 2018. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Keanggotaan jawatankuasa ini terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan dan pakar berkaitan reka bentuk sejagat dan alam bina serta audit akses. Jawatankuasa ini juga turut dianggotai oleh NGO OKU yang berpengalaman dalam reka bentuk sejagat dan alam bina serta audit akses.

##### 4.4.2 Aktiviti atau Program Utama Yang Telah Dilaksanakan pada Tahun 2018

1. Pelaksanaan bengkel dan audit akses di dalam dan luar bangunan/premis yang menjadi tumpuan awam. Program ini bertujuan untuk mendedahkan dan memberi advokasi kepada pihak-pihak yang terlibat ke arah penerapan dan penguatkuasaan bangunan / premis / persekitaran yang akses OKU.
2. Secara keseluruhannya, daripada audit akses yang dilaksanakan didapati walaupun terdapat kemudahan-kemudahan mesra OKU yang telah disediakan, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan ke arah memaksimumkan aksesibiliti OKU.
3. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:
  - a. Bengkel dan Audit akses di Seremban, Negeri Sembilan telah diadakan pada 14 dan 15 Mei 2018 di lima (5) premis / bangunan yang terpilih iaitu:



Masjid Hussin  
Seremban 2



Mydin Mall  
Senawang



UTC Ampangan



Masjid Agama Islam  
Negeri Sembilan



Laluan Pejalan Kaki KTM  
Seremban

- b. Audit Susulan di Putrajaya telah diadakan pada 3 dan 5 Julai 2018 di lima (5) premis / bangunan yang terpilih iaitu:



Masjid Putra  
Presint 1



Auditorium dan Blok Annex,  
Perbadanan Putrajaya,  
Presint 3



Masjid  
Tuanku Mizan Zainal Abidin,  
Presint 3



Taman Putra Perdana,  
Presint 1



Souq dan Jeti, Presint 1



- c. Audit Akses Bangunan di Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat telah diadakan pada 15 hingga 17 Oktober 2018 di tiga (3) premis / bangunan yang terpilih iaitu:



Taman Sinar Harapan,  
Cheras



Pusat Pemulihan  
Dalam Komuniti



Pusat Transformasi dan  
Informasi Kebajikan, Kuala  
Kubu

- d. Audit Akses di Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD) Nilai, Negeri Sembilan telah diadakan pada 24 Oktober 2018.



- e. Seminar Kesedaran Aksesibiliti: Ke Arah Masyarakat Inklusif telah diadakan pada 25 hingga 26 Oktober 2018 di Universiti Teknologi Mara (Cawangan Selangor) Puncak Alam.



#### 4.5 Jawatankuasa Pendidikan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU)

##### 4.5.1 Mesyuarat

##### **Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Bagi Orang Kurang Upaya Bil.1/2018**

Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan telah diadakan pada 2 Mac 2018.

##### 4.5.2 Fokus Utama Bagi Tahun 2018

###### **i. Program *Town Hall* Pendidikan Khas 2018**

Program *Town Hall* Pendidikan Khas yang bertemakan “Pengesanan Awal dan Intervensi Pemangkin Potensi Murid Keperluan Khas” diadakan pada 8 November 2018 (Khamis) jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang di petang di Auditorium JAKIM, Kompleks Islam Putrajaya .

Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pengesanan awal dan intervensi terhadap perkembangan kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, peserta dikehendaki melengkapkan soal selidik yang disediakan oleh pihak urus setia secara atas talian melalui *Google Form*. Walau bagaimanapun, daripada 276 orang yang hadir sebanyak 94 orang telah mengisi soal selidik sehingga 14 November 2018.

###### **ii. Di antara cadangan penambahbaikan Program *Town Hall* Pendidikan Khas 2018 ialah:**

- Tindakan Promosi di peringkat awal sebelum pelaksanaan program;
- Penyediaan lokasi yang sesuai bagi pelaksanaan Program *Town Hall* Pendidikan Khas 2018;
- Penglibatan semua golongan sama ada di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bahagian-bahagian, jabatan-jabatan, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Komuniti dan NGO;
- Pengisian program yang dipelbagai seperti pameran inovasi, hasil penyelidikan dan bengkel berkaitan pengesanan intervensi OKU dan sebagainya; dan
- Pemilihan penceramah yang lebih berkaliber dan pengisian sesuai dengan tema program.

### iii. Rumusan

Secara keseluruhan, Program *Town Hall* Pendidikan Khas 2018 telah mencapai matlamat dalam memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan pengesanan awal dan intervensi terhadap perkembangan Kanak-kanak. Segala penambahbaikan akan dilaksanakan supaya dapat memberi impak khususnya bagi Murid Berkeperluan Khas.



Ucapan Perasmian oleh YBhg. Datuk Dr. Yasmin binti Hussin, Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia



Moderator dan Panel Forum 1 : Saringan Pengesanan Awal Perkembangan Kanak-Kanak

## 4.6 Jawatankuasa Pendaftaran Orang Kurang Upaya Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU)

### 4.6.1 Mesyuarat

Mesyuarat Jawatankuasa Pendaftaran OKU telah diadakan pada 16 Mac 2018 yang dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Haji Mohd Fazari bin Mohd Salleh, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat.

Mesyuarat ini diadakan untuk membincangkan isu-isu berkaitan pendaftaran OKU dan isu ketidakupayaan.



Mesyuarat Jawatankuasa Pendaftaran OKU



#### 4.6.2 Statistik Pendaftaran Orang Kurang Upaya

##### i. Pendaftaran OKU mengikut negeri sehingga 31 Oktober 2018

Bil	Negeri	Jumlah
1.	Selangor	77,835
2.	Johor	57,669
3.	Kedah	42,734
4.	Perak	42,373
5.	Kelantan	35,021
6.	Sarawak	33,252
7.	WP Kuala Lumpur	32,893
8.	Sabah	31,179
9.	Pulau Pinang	29,240
10.	Pahang	28,672
11.	Terengganu	24,570
12.	Melaka	23,280
13.	Negeri Sembilan	22,575
14.	Perlis	6,193
15.	WP Labuan	1,462
JUMLAH		488,948

##### ii. Pendaftaran OKU Mengikut Etnik Sehingga 31 Oktober 2018

Bil	Etnik	Jumlah
1.	Melayu	296,308
2.	Cina	93,610
3.	India	48,360
4.	Peribumi Semenanjung	3,274
5.	Peribumi Sabah	24,397
6.	Peribumi Sarawak	17,493
7.	Lain-lain	5,506
JUMLAH		488,948

##### iii. Pendaftaran OKU Mengikut Kategori Sehingga 31 Disember 2017

Bil	Kategori	Jumlah
1.	Pendengaran	35,991
2.	Penglihatan	43,576
3.	Pertuturan	2,534
4.	Fizikal	173,587
5.	Pembelajaran	169,853
6.	Mental	40,570
7.	Pelbagai	22,837
Jumlah		488,948

**iv. Pendaftaran OKU Mengikut Jantina Sehingga 31 Oktober 2018**

Bil	Kategori	Jumlah
1.	Perempuan	316,745
2.	Lelaki	172,203
	Jumlah	488,948

**v. Bilangan OKU Berdaftar Dari Tahun 2013 Hingga 2018**

Tahun	Bil. OKU berdaftar
2018	488,948
2017	452,683
2016	407,584
2015	363,427
2014	316,064
2013	262,563

**4.6.3 Aktiviti/Program Yang Telah Dilaksanakan Pada Tahun 2018**

**i. Bengkel Penambahbaikan Borang Permohonan Pendaftaran OKU Siri 3 telah diadakan pada 19-20 September 2018**

a. Peserta Bengkel terdiri daripada:

- Pakar- Pakar Perubatan Pelbagai Displin;
- Wakil NGO OKU;
- Wakil daripada Kementerian Pendidikan Malaysia;
- Wakil daripada Kementerian Kesihatan Malaysia; dan
- Wakil PERKESO.

b. Dapatan daripada bengkel ini meliputi perkara seperti berikut:

- Menambah maklumat biodata pemohon termasuk maklumat pendidikan, kemahiran dan pekerjaan bagi memudahkan Kerajaan merancang program ke arah kemandirian OKU; dan
- Menambahbaik kategori dan sub kategori OKU.



ii. **Jawatankuasa Pendaftaran OKU telah menjalankan program Jom Daftar OKU di (5) lokasi seperti berikut:**

ZON UTARA	14 -15 Ogos 2018	UITM, Perak
	Melayu	296,308
ZON SELATAN	30 -31 Julai 2018	Pusat Kegiatan Masyarakat Tangkak, Johor
	India	48,360
ZON TIMUR	12 -13 September 2018	Rumah Rehat Bentong
ZON SABAH	16-17 September 2018	Dewan Majlis Perkhidmatan Masyarakat, Sabah
ZON SARAWAK	29-30 Ogos 2018	Pusat Latihan My TC Sibu Sarawak

iii. **Objektif Program adalah seperti berikut :**

- a. Untuk memberi pendedahan dan pemahaman kepada pegawai di peringkat negeri dan daerah berkenaan perkara berikut:
  - Pendaftaran OKU;
  - Akta OKU 2008; dan
  - Garis Panduan Pengendalian Pendaftaran OKU
- b. *Disability Equality Trainnig (DET)*
- c. Sesi perbincangan isu-isu yang berkaitan dengan OKU
- d. Taklimat *Dealing with PWD's Need: A Way Forward*





**5.0** **Sekretariat  
Majlis Kebangsaan Bagi  
Orang Kurang Upaya**

**5.0 SEKRETARIAT  
MAJLIS KEBANGSAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA**



YBhg. Dato' Maria Bernard Sinsoi  
Pengarah  
Jabatan Pembangunan  
Orang Kurang Upaya (JPOKU)



Puan Norasnida binti Nordin  
Ketua Penolong Pengarah  
Jabatan Pembangunan  
Orang Kurang Upaya (JPOKU)



Puan Sharifah Hafizah binti Saad Hassan  
Penolong Pengarah Kanan  
Jabatan Pembangunan  
Orang Kurang Upaya (JPOKU)



Puan Noryanti binti Mahbub  
Penolong Pengarah Kanan  
Jabatan Pembangunan  
Orang Kurang Upaya (JPOKU)



Puan Muhayati binti Abdullah  
Pembantu Tadbir  
Jabatan Pembangunan  
Orang Kurang Upaya (JPOKU)



Puan Zuriana binti Isa  
Pembantu Operasi  
Jabatan Pembangunan  
Orang Kurang Upaya (JPOKU)

**Jabatan  
KEBAJIKAN  
Masyarakat**



**JABATAN KEBAJIKAN MALAYSIA**  
Aras 6, 9-18, No 55,  
Persiaran Perdana, Presint 4,  
62100 Putrajaya

 +603 8323 1656  
+603 8323 1658

 +603 8323 2094

 [facebook.com/pages/JKMHQ](https://facebook.com/pages/JKMHQ)

 [twitter@JKMHQ](https://twitter@JKMHQ)

 [instagram@jkmhq](https://instagram@jkmhq)

 [www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my)

